

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-4 (2016), PARLIMEN KE-13

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK S. VIGNESWARAN A/L M. SANASEE

SOALAN : 75

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pengolahan isu laporan media yang tidak seimbang dan tidak beretika yang kian meningkat di mana laporan tepat yang telus dan tanpa prejedis mencapai sasaran pembaca dan pemerhati berita hanya selepas fakta yang difabrikasi disebarluaskan melalui laman sosial.

Sejauh mana pihak Kementerian bertindak membendung penyebaran fitnah dan fabrikasi oleh pihak-pihak tertentu.

Apakah cadangan pihak Kementerian untuk mewujudkan profesionalisme dalam laporan berita dan etika kewartawanan.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Majoriti pengamal media arus perdana dalam negara ini sentiasa mendukung dan mematuhi etika kewartawanan dalam menjalankan tugas mereka. Etika kewartawanan sebenarnya dibentuk oleh pihak wartawan sendiri dan tidak mempunyai bidang kuasa perundangan.

SOALAN NO: 75

Pada ketika ini tiada diperuntukkan dengan sebarang akta SOP (Tatacara Operasi Standard) sebagai langkah untuk mengawal etika kewartawanan oleh pengamal media di negara ini khususnya yang berkaitan kandungan pelaporan yang dibuat. Walau bagaimanapun, Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, jelas menetapkan bahawa media diberikan hak dan kebebasan untuk menyuarakan pandangan mengenai pelbagai perkara selagi tidak menyentuh sensitiviti kaum dan agama serta mengancam keselamatan dan keamanan negara.

Undang-undang sedia ada seperti Akta Fitnah 1957, Akta Rahsia Rasmi 1986 dan sebagainya boleh digunakan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian, sekiranya pihak media menggunakan kebebasan yang diberikan untuk melaporkan perkara yang boleh dianggap sebagai mengganggu ketenteraman atau mengancam kesejahteraan negara dan rakyat.

Manakala pengamal media antarabangsa (*foreign media correspondent*) yang bertugas di negara ini juga perlu mengikuti lunas peraturan dan undang-undang sedia ada dalam Malaysia.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) bersiaran berdasarkan etika dan peraturan sebagai sebuah badan penyiaran rasmi Kerajaan. Sebarang visual, grafik dan teks yang disiarkan melalui RTM mesti mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan mengikut etika kewartawanan.

Petugas perlu mematuhi etika dan amalan profesional tanpa diskriminasi demi memelihara imej dan kredibiliti RTM. Elemen visual sokongan hanyalah merupakan nilai tambah kepada berita yang disampaikan.